

38 program IPR demi kesejahteraan rakyat

[SELANGOR | May 10, 2017 4:30 pm](#)

OLEH HAFIZAN TAIB



PETALING JAYA, 10 MEI: Sebanyak 38 program dilaksanakan Kerajaan Selangor dalam usaha membantu rakyat menikmati hasil kekayaan negeri bersesuaian dengan agenda peduli rakyat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran PAKATAN sejak 2008 memberi penekanan terhadap pembangunan dan kepentingan rakyat.

Justeru, katanya, pelbagai program dirancang saban tahun demi mencapai sasaran ditetapkan.

“Bermula pada 2008 dengan tujuh program, Kerajaan Negeri menambah sehingga 38 program yang dapat memberi manfaat kepada rakyat, maka tercetusnya nama baru iaitu Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

“Saya rasa bangga dengan pelaksanaan program ini yang membantu rakyat kerana sememangnya rakyat berhak berkongsi hasil kekayaan negeri,” katanya sempena Karinival IPR di Pasaraya Giant, Kota Damansara, di sini, hari ini.



Beliau berkata, melalui amalan bertanggungjawab dan integriti, Kerajaan Negeri mampu meningkatkan hasil negeri dan mengukuhkan ekonomi hingga rizab mencecah lebih RM3.6 bilion.

Dalam karnival itu, Mohamed Azmin menyampaikan sumbangan dan bantuan IPR iaitu Skim Hijrah Selangor (RM2.6 juta), Program Bantuan Sekolah Agama Selangor (RM3.6 juta), Smart Selangor Food Stamp (RM5,000) Skim peduli Sihat (RM50,000), selain Program Khas Peduli Siswa dan Bantuan Warga Emas.

Turut hadir, Exco Kerajaan Negeri, Dr Daroyah Alwi, Elizabeth Wong, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Amirudin Shari; Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa; Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian; Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain dan Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat Kota Damansara, Radzlan Jalaluddin.

Program terbabit dianjurkan **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** (Perangsang Selangor)

<https://selangorkini.my/2017/05/38-program-ipr-demi-kesejahteraan-rakyat/>